

18 DEC 2001

NUTP-Segregasi

10 PERATURAN DARIPADA SEKOLAH AMAL SEGREGASI, KATA NUTP

KUALA LUMPUR, 18 Dis (Bernama) -- Lebih kurang 10 peraturan daripada 10,000 sekolah rendah dan menengah di seluruh negara mengamalkan bentuk tertentu segregasi kaum, kata Setiausaha Agung Kesatuan Kebangsaan Profesion Perguruan (NUTP) Datuk N. Siva Subramaniam hari ini.

Beliau berkata, keadaan boleh dianggap "agak buruk" dan ia perbuatan golongan dengan agenda tertentu untuk menggagalkan usaha kerajaan menjalin perpaduan di kalangan rakyat.

Menurut beliau, sebuah sekolah di Ampang juga dikenal pasti sebagai antara sekolah yang mengasingkan pelajar berdasarkan kaum selain daripada sebuah sekolah di Pelabuhan Klang yang dilaporkan oleh media.

"Kerajaan perlu mengambil tindakan tegas. Atas alasan ini, beberapa ibu bapa Cina memindahkan anak mereka daripada sekolah-sekolah kebangsaan ke sekolah jenis kebangsaan Cina," katanya.

Siva mendakwa amalan segregasi kaum di sekolah-sekolah berlaku sejak 15 tahun lepas.

"Kes amalan seperti itu yang dilaporkan di sebuah sekolah di Pelabuhan Klang bukan sesuatu yang terpencil tetapi kes pertama untuk dibawa kepada perhatian peringkat lebih tinggi," katanya.

Siva yang juga presiden Cuepacs berkata, jika trend itu berterusan negara akan menghadapi masa depan yang gelap kerana para pelajar hari ini merupakan pemimpin masa depan yang tidak memahami konsep integrasi kebangsaan dan betapa pentingnya perpaduan.

Siva berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam bahawa beliau akan meminta Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad menjelaskan bagaimana penjurusan pelajar mengikut kaum boleh berlaku.

Pada Sabtu, Biro Pendidikan Pemuda MIC mendakwa beberapa sekolah mengamalkan dasar-dasar diskriminasi dengan mengasingkan pelajar mengikut kaum dalam bilik darjah.

Ia merujuk kepada Sekolah Kebangsaan Pelabuhan Klang sebagai antara sekolah terbabit.

NUTP menyeru kerajaan supaya menyiasat pentadbir sekolah yang mengamalkan dasar-dasar membinasa seperti itu dan juga menentukan sama ada amalan itu berbau politik.

"Kerajaan, khasnya Kementerian Pendidikan harus memperkemas pentadbiran sekolah daripada pemikiran sempit seperti itu dan memastikan sekolah-sekolah kita membayangkan komposisi pelbagai kaum di negara ini," katanya.

Kegagalan berbuat demikian akan membawa padah kepada negara dan rakyatnya yang mencintai keamanan, katanya.

Siva berkata Cuepacs, badan kesatuan-kesatuan perkhidmatan awam akan bertemu dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membincangkan hal itu secepat mungkin.

-- BERNAMA

CL DC YBY PR